

SKEMA JAWAPAN PENDIDIKAN MORAL PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2023

Bahagian A [50 markah] Jawab semua soalan dalam bahagian ini

1. Keratan akhbar di bawah berkaitan dengan tangkapan keldai dadah. **U3 T4**

101 keldai dadah ditahan

Sepang: Seramai 101 individu ditahan pihak berkuasa sepanjang tahun lalu selepas dikesan dijadikan keldai dadah.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Mohd Khalil Kader berkata, jumlah itu angka yang besar dan perlu ditangani dengan serius.

Dia berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) berusaha menangani masalah itu dengan mempertingkatkan kawalan di pintu masuk utama khususnya di lapangan terbang di negara ini.

Seramai 82 rakyat Malaysia terabit sebagai keldai dadah di luar negara dan antaranya ditahan di Colombia dan Chile.

MOHD Khalil Kader (lima dari kiri) menyempurnakan gimik pelancaran Jabatan Narkotik di KLIA, semalam. Turut kelihatan Timbalan Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Kamarul Zaman Mamat (tiga dari kiri), menghadiri Majlis Pelancaran Jabatan Narkotik di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam. Turut hadir, Timbalan Pengarah (Pelucutan Harta/Perundangan / Tahanan) JSJN, Zulkifli Ali dan Timbalan Pengarah (Penguatkuasaan / Pencegahan / Kepolisan AM JSJN Mat Zaini @ Muhd Salahuddin Che Ali.

Mohd Khalil berkata, JSJN sedia dijenamakan semula bagi memperkukuh fungsinya membabitkan tugas di lapangan terbang yang menjadi pintu masuk dan aktiviti penyeludupan dadah.

Menurutnya, penjenamaan itu juga dapat meningkatkan kualiti kerja PDRM di samping membantu pegawai yang bertugas memberi fokus terhadap tugas dijalankan mereka.



Keldai dadah merujuk kepada seseorang yang secara rela atau diperdaya untuk menjadi kurier, membawa dadah atau barang seludup ke negara lain.

- (a) Pada pandangan anda, keldai dadah tersebut patut diadili mengikut **prinsip keadilan** atau **prinsip keprihatinan**? **Terangkan pilihan anda.** [3m]

J1	Prinsip keadilan
H1	Mereka telah melanggar undang-undang
H2	Hukuman yang setimpal perlu dikenakan ke atas pesalah / jatuhkan hukuman berat
H3	Dadah memusnahkan masa depan generasi muda
	Atau
J2	Prinsip keprihatinan
H1	Memberi peluang kedua kepada pesalah
H2	Mereka ditipu untuk melakukan kesalahan
H3	Mengambilkira perasaan pesalah yang dianiayai
	Mana-mana jawapan munasabah Terima 1F + 2H = 3m

- (b) **Nyatakan** implikasi yang akan berlaku jika masalah keldai dadah tidak dibanteras. [3m]

F1	Kes pengedaran dadah meningkat
F2	Bilangan penagih dadah bertambah
F3	Menjejaskan masa hadapan penagih
F4	Imej negara terjejas
	Mana-mana jawapan munasabah Terima mana-mana 3F = 3m

- (c) **Jelaskan bagaimana anda** dapat mengelakkan diri daripada menjadi keldai dadah. [4m]

F1	Tidak bersikap tamak
H1	Tidak mengharapkan mendapat keuntungan dengan cara yang mudah
F2	Tidak mudah mempercayai tawaran kerja yang menawarkan ganjaran / gaji yang terlalu lumayan / tinggi
H2	Menyelidik kebenaran tawaran tersebut
F3	Berwaspada apabila disuruh membawa barangan ke luar negara
H3	Mengetahui kandungan barangan yang dibawa
	Mana-mana jawapan munasabah Terima mana-mana 3F + 1H / 2F + 2H / 1F + 3H = 4m

2. Petikan berita dan dialog di bawah berkaitan dengan hak asasi manusia. **U8T4**

Larangan rentas negeri, daerah sepanjang PKP

KUALA LUMPUR : Kerajaan melarang aktiviti rentas daerah dan negeri sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara yang bermula Rabu ini, kecuali bagi tujuan kecemasan, kesihatan, bekerja, ekonomi, temu janji vaksinasi dan pasangan jarak jauh.
Sumber : Berita Harian, 10 Mei 2021

Reghu : Kerajaan kita telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai Rabu ini.
Mei Mei : Betul, kita semua tidak boleh rentas daerah dan negeri.
Haika : Saya ikut sahaja.

- (a) Berdasarkan maklumat di atas, **adakah** larangan tersebut telah melanggar hak kebebasan bergerak warganegara Malaysia? **Jelaskan jawapan anda.** [2m]

F1	Tidak
H1	Kerajaan melalui undang-undang boleh melarang seseorang daripada memasuki mana-mana kawasan
H2	atas alasan keselamatan dan kesihatan
	Mana-mana jawapan munasabah Terima 1F + 1H = 2m

- (b) Selain hak yang dinyatakan di (a), senaraikan **dua** hak sebagai warganegara yang dijamin oleh Perlembagaan negara. [2m]

F1	Kebebasan diri
F2	Keabdian dan kerja paksa dilarang
F3	Kesamarataan
F4	Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan
F5	Hak terhadap harta
	Terima 2F = 2m

- (c) **Nyatakan** tanggungjawab yang perlu anda pikul berdasarkan hak yang disenaraikan di (b). [2m]

H1	Memelihara diri sendiri dan nyawa orang lain kecuali mengikut undang-undang
H2	Tidak menindas golongan pekerja dengan memberikan layanan adil kepada semua pihak
H3	Tidak bersikap diskriminasi kepada mana-mana pihak atas alasan kaum, agama atau jantina
H4	Mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa sebelum mengadakan perhimpunan / tidak menyentuh isu sensitif
H5	Menjadi obligasi seseorang untuk membuat pengisytiharaan harta dan membayar cukai
	Jika jawapan b salah. Jawapan c TERUS TIADA Markah. Terima 2H = 2m

- (d) Pengabaian tanggungjawab sebagai warganegara akan mendatangkan **impak negatif** kepada negara. **Jelaskan** [4m]

F1	Kestabilan negara tergugat / negara huru hara
H1	Salahguna kebebasan bersuara / sentuh isu sensitif
F2	Tadbir urus pentadbiran kucar-kacir
H2	dasar negara tidak dapat berjalan dengan lancar
F3	Menjejaskan imej negara
H3	Negara dipandang rendah
	Mana-mana jawapan munasabah Terima mana-mana 3F + 1H / 2F + 2H / 1F + 3H = 4m

3. Situasi di bawah berkaitan sikap Peter. **U2 T5**

Peter suka mengagung-agungkan bahasa Inggeris di depan kawan-kawannya kerana dia sangat mahir dalam pertuturan bahasa Inggeris. Akan tetapi Peter telah gagal dalam subjek bahasa Melayu setiap kali ujian di sekolah.

- (a) Beri komen anda terhadap sikap Peter. [2m]

H1	Tidak berbangga dengan bahasa kebangsaan / terlalu mementingkan bahasa inggeris
H2	Tidak menunjukkan perasaan cinta kepada negara
	Mana-mana jawapan munasabah Terima 2H = 2m

- (b) Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan negara kita. **Terangkan kepentingan** memperkasakan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia ? [4m]

F1	Memupuk perpaduan
H1	Mengeratkan hubungan antara kaum
H2	Dapat berkomunikasi dalam bahasa kebangsaan
F2	Mendapat sijil SPM
H3	Dapat lulus kertas bahasa Melayu di SPM
F3	Memartabatkan kedudukan bahasa Melayu
H4	Bahasa pengantar ilmu pengetahuan
	Mana-mana jawapan munasabah Terima mana-mana 3F + 1H / 2F + 2H / 1F + 3H = 4m

- (c) Ramalkan kesan jika rakyat Malaysia mahir dalam penggunaan bahasa antarabangsa. 国际语言 / 英文 [4m]

F1	Meningkatkan imej negara
H1	Kerana rakyat Malaysia boleh berbahasa Inggeris
F2	Mudah mendapat peluang pekerjaan di luar negara
H2	Dapat berkomunikasi baik semasa di luar negara
F3	Mendapat peluang melanjutkan pelajaran ke luar negara
H3	Boleh faham dan menggunakan bahasa Inggeris dengan baik
F4	Boleh mendapat kawan baru dari luar negara
H4	Dapat berkomunikasi dalam bahasa Inggeris
F5	Meningkatkan ilmu pengetahuan
H5	Dapat membaca dan menulis baik dalam bahasa Inggeris
F6	Memperoleh informasi terkini
H6	Banyak maklumat terkini adalah dalam bahasa Inggeris
F7	Menyenangkan urusan pelancongan
H7	Dapat berkomunikasi / memahami semua informasi dalam bahasa Inggeris
	Mana-mana jawapan munasabah Terima mana-mana 3F + 1H / 2F + 2H / 1F + 3H / 4F / 4H = 4m

4. Berikut ialah masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja. **U3 T5**



Nilai kerohanian amat penting dalam pembentukan individu bermoral. Dengan nilai kerohanian, individu dapat membezakan yang baik dengan yang buruk dalam pemikiran, perasaan dan tindakan.

- (a) **Berikan ciri individu** yang mempunyai nilai kerohanian. [3m]

F1	Saling menghormati	Seboleh bolehnya JANGAN tulis jawapan yang ada perkataan nilai spt F1, F2, F4, F6
F2	Berani menengakkan kebenaran	
F3	Adil	
F4	Jujur	
F5	Berpegang teguh pada ajaran agama atau kepercayaan	
F6	Sayangi diri	
F7	Bersyukur dengan kehidupan	
	Terima 3F = 3m	

- (b) **Huraikan dua cara** untuk meningkatkan nilai kerohanian dalam diri setiap individu. [4m]

F1	Menjadikan ajaran agama / kepercayaan sebagai panduan hidup
H1	Mempelajari dan mengamalkan tuntutan agama atau kepercayaan dalam kehidupan harian
F2	Menerima kepelbagaian bangsa
H2	Menjaga hubungan baik sesama manusia
F3	Melindungi alam sekitar
H3	Menjaga keseimbangan flora dan fauna
F4	Menjalani kehidupan yang benar dari aspek pemikiran, perasaan dan perlakuan
H4	Mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan
F5	Mentaati ibu bapa
H5	Bersikap baik terhadap ibu bapa
F6	Menjauhi diri daripada gejala negatif
H6	Melakukan aktiviti yang berfaedah
	Mana-mana jawapan munasabah Terima mana-mana 2F + 2H = 4m

Walaupun nilai kerohanian amat penting dalam kehidupan harian, namun begitu, dalam mengejar arus kemodenan, nilai kerohanian semakin dilupakan oleh generasi muda. Pengabaian nilai kerohanian dalam **diri** akan memberikan implikasi dalam kehidupan harian.

- (c) Berdasarkan pernyataan di atas, **rumuskan implikasi tersebut**. [3m]

F1	Menjadi individu bersikap materialistik
F2	Menjadikan individu bersikap individualistik
F3	Mengubah gaya hidup yang melampaui landasan agama / kepercayaan
F4	Mewujudkan sikap angkuh dan sombong
F5	Mengetepikan nasihat orang tua dan anggota keluarga
F6	Mengabaikan sikap berkeperibadian mulia
F7	Menjadikan hidup tidak tenteram
	Mana-mana jawapan munasabah Terima mana-mana 3F = 3m

5. Data di bawah menunjukkan salah laku niaga dalam talian yang dilaporkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. **U6 T5**

Jenis Salah Laku Niaga Dalam Talian	Bilangan Kes
Tidak menerima barangan yang ditawarkan	5700
Produk yang diterima tidak sama seperti ditawarkan	1631
Harga barangan dan perkhidmatan yang mengelirukan	315
Barang tiruan dalam talian	142
Cetak rompak dalam talian	30
Skim piramid dalam talian	16
Lain-lain aduan	1489
Jumlah	9323

(Sumber : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021>, 04 Oktober 2021)

- (a) **Apakah perasaan anda** jika anda ialah mangsa penipuan dalam situasi di atas ? **Kenapa** ? [2m]

T	Sedih / kecewa / marah
H	Kerugian kewangan / kerana saya ditipu
	Mana-mana jawapan munasabah Terima mana-mana 1F + 1H = 2m

- (b) **Cadangkan tindakan** yang boleh diambil oleh pihak berkuasa dalam menangani situasi di atas. [3m]

F1	Menguatkuasakan undang-undang tentang salah laku niaga dalam talian
H1	Kenakan hukuman yang berat
C1	Penjara, dendaan wang
F2	Mengadakan kempen kesedaran secara berleluasa
H2	Melalui media sosial seperti facebook, instagram
H3	Masyarakat ketahui cara mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan
F3	Menyekat / menyiasat akaun pemilik niaga dalam talian
H3	Akaun pemilik tidak dapat berfungsi lagi
	Mana-mana jawapan munasabah Terima mana-mana 1F + 2H / 2F + 1H / 3F = 3m. Jika 3F / 3H = 2m

- (c) **Bincangkan kepentingan** integriti demi pembangunan negara. [4m]

F1	Meningkatkan imej negara
H1	Negara terkenal di persada dunia
H2	Sektor pelancongan berkembang
F2	Memartabatkan perusahaan kecil dan sederhana
H3	Perusahaan kecil dan sederhana diiktirafkan di pasaran antarabangsa
H4	Meningkatkan pendapatan perusahaan kecil dan sederhana
F3	Mewujudkan sistem pentadbiran yang telus
H5	Negara bebas rasuah
H6	Pentadbiran lebih sistematik
H7	Meningkatkan kebolehpercayaan dan keyakinan rakyat
F4	Menyakinkan pelabur asing untuk meneruskan pelaburan
H8	Peluang pekerjaan dan perniagaan meningkat
H9	Ekonomi negara berkembang pesat
F5	Menegakkan keadilan dalam kalangan rakyat
H10	Dapat mengelakkan diskriminasi
H11	Masyarakat lebih harmoni
F6	Melahirkan budaya kerja yang efisien
H12	Produktiviti kerja meningkat
H13	Menjadi contoh kepada negara lain
	Mana-mana jawapan munasabah Terima mana-mana 3F + 1H / 2F + 2H / 1F + 3H = 4m

(d) **Namakan agensi lain** yang menguatkan amalan integriti demi pembangunan negara.

[1m]

F1	Lembaga Hasil Dalam Negeri
F2	Jabatan Pengangkutan Jalan Raya
	Terima mana-mana 1F = 1m

PANDUAN MENANDA SOALAN BAHAGIAN B

Soalan 6a, 7a, penandaan analitik, Simbol F (Jawapan Fakta sahaja)

Soalan 6b, 7b Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik

ARAS	MARKAH	BUTIRAN
1	1-2	<ul style="list-style-type: none"> * menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang terhad * fakta terhad * tiada huraian * <u>jawapan mudah / umum</u>
2	3-4	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang jelas dan mendalam • 1 Fakta yang tepat • 1 Huraian kurang mendalam dan kurang relevan dengan isu / situasi • Contoh kurang sesuai • Pengolahan sederhana
3	5-6	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang ringkas dari aspek positif dan negatif • <u>Akur arahan soalan</u> • 1 fakta yang tepat dan lengkap • 1 Huraian terperinci dan relevan dengan situasi / isu • Contoh sesuai • Pengolahan menarik
4	7-8	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang sangat jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang tepat dari aspek positif dan negatif • <u>Akur arahan soalan</u> • 2 fakta yang sangat jelas, tepat dan lengkap • 2 Huraian sangat terperinci dan relevan dengan isu / situasi • Contoh sangat sesuai • Pengolahan sangat menarik • <u>Kematangan</u> perkembangan idea

Bahagian B [10 markah]
Jawab mana-mana **satu** soalan dalam bahagian ini.

6. Gambar berikut berkaitan dengan buli siber. **U4 T4 T5**



Sumber : <https://www.googleimage.com/>

Buli siber adalah perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang melalui medium elektronik seperti mesej teks (sms), *chatting*, e-mel, laman web sosial, telefon bimbit atau permainan internet.

- (a) **Apakah kesan** yang akan dialami oleh mangsa buli siber. [2m]

Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
H1	Tekanan mental / ketakutan / kemurungan
H2	Cenderung melakukan perbuatan melukakan / mencederakan diri / bunuh diri
H3	Menjatuhkan imej
H4	Mewujudkan unsur kebencian
H5	Hilang keyakinan diri
H6	Prestasi pelajaran terjejas
	Mana-mana jawapan munasabah Terima mana-mana 2H = 2m

- (b) Sekiranya anda adalah mangsa buli siber, **bagaimanakah** anda dapat mencegah masalah tersebut daripada berulang. [8m]

Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
F	Minta bantuan dan nasihat daripada orang dewasa / orang yang boleh dipercayai
H	Mendapat panduan cara atasi masalah
H	Tidak menghadapi masalah secara keseorangan
H	Mengurangkan tekanan dibuli
F	Tidak melawan pembuli
H	Abaikan / tidak menjawab mesej pembuli
H	Padam / nyah aktifkan akaun di media sosial / tinggalkan bilik sembang
H	Keinginan pembuli untuk membuli akan berkurang jika tidak mendapat respon
F	Melaporkan kepada pihak berkuasa
H	Hubungi MCMC di aduanskmm.gov.my untuk melaporkan kes buli siber
H	Supaya pembuli dapat dikenakan tindakan tegas
H	Tidak mengulangi kesalahan
H	Pastikan pengguna lain tidak dibuli
H	Hukuman yang diberi dapat menjadi pengajaran kepada pembuli/ sebagai amaran kepada pembuli yang lain
F	Menyimpan bukti buli siber
H	Buat tangkap layar [screenshot] mesej gangguan yang diterima
F	Laporkan kepada pentadbir laman
H	Akaun pembuli akan disekat
	Mana-mana jawapan munasabah / / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik Nota: Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak

7. Teliti jadual dan monolog berikut, kemudian jawab soalan di bawah. **U5 T4 U6 T4**

Bil	Pelepasan cukai yang boleh dituntut dalam pengiraan cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)	Pelepasan cukai yang layak dituntut oleh Peter	Pelepasan cukai yang telah dituntut oleh Peter
1	Gaya hidup	RM2500.00	RM2500.00
2	Saraan ibu bapa	RM5000.00	RM2500.00
3	Insurans	RM3000.00	RM2600.00
4	Tabungan SSPN	RM8000.00	RM2000.00
5	Sumbangan	RM1000.00	RM200.00

Saya berkongsi dengan adik untuk menyara ibu bapa. Namum begitu, saya rasa LHDN tidak tahu tentang ini, saya akan menuntut pelepasan cukai RM5000.00

Jumlah caruman SSPN saya ialah RM2000.00 tetapi saya akan membuat pengisytiharan untuk pelepasan cukai sebanyak RM5000.00

Saya banyak memberikan sumbangan tetapi tiada resit sebagai bukti. Saya tetap akan membuat tuntutan pelepasan cukai kerana tiada sesiapa pun yang tahu.

a **Wajarkah** tindakan Peter di atas ? **Justifikasikan jawapan anda.** [2m]

Terima watak : Peter

Bil	Fakta / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
F	Setiap pembayar cukai harus amanah / integriti dalam mengisytiharkan cukai mereka.
F	Tidak wajar
F	Peter patut melaksanakan obligasi dengan berintegriti demi pembangunan negara.
H	Peter harus memupuk integriti / amanah dalam membayar cukai / Peter patut melapor dan membayar cukai pendapatan 所得税 dengan integriti / tidak membuat tuntutan palsu 报假数 semata-mata untuk pelepasan cukai 免税/逃税
F	Peter harus mengisytiharkan pelepasan cukai ikut jadual yang disediakan oleh LHDN / ikut pelepasan cukai yang layak dituntut olehnya / Peter tidak boleh mengisytiharkan lebih pelepasan cukai mengikut sesuka hatinya.
H	Peter harus mematuhi peraturan dan undang-undang semasa membayar cukai
F	Perbuatan Peter dalam menuntut lebih pelepasan cukai adalah salah di sisi undang-undang.
H	Peter patut berfikir kesan perbuatan menipu dalam menuntut pelepasan cukai
F	Perbuatan Peter boleh menjejaskan imej dirinya jika perbuatannya dikesan 被发现 oleh LHDN / jika dia disiasat oleh LHDN / dikenakan dendaan
H	Perbuatan Peter boleh menjejaskan pendapatan negara / pembangunan negara
H	Peter harus amanah dalam membayar cukai demi menjadi seorang yang berintegriti.
	Mana-mana jawapan munasabah Nota : Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak Terima mana-mana 1F + 1H = 2m

- b Terangkan **kepentingan** pembayaran cukai kepada pembangunan negara. [8m]

Terima watak : mana-mana pihak yang sesuai

Bil	Fakta / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
F	Pembayaran cukai adalah satu perbuatan yang integriti
F	Kepentingan pembayaran cukai dapat membantu kerajaan membangunkan negara
H	Kerajaan dapat menggunakan kutipan cukai untuk membangunkan infrastruktur negara
C	Contoh : membina jalanraya, sekolah, hospital
H	Dengan ini, rakyat dapat menikmati kemakmuran / kemajuan negara
F	Kepentingan pembayaran cukai dapat menjaga kebajikan rakyat
C	Contohnya kerajaan dapat menggunakan cukai yang dikutip untuk melakukan pemberian Bantuan Rakyat Prihatin kepada rakyat yang memerlukan bantuan
H	Rakyat dapat hidup dengan sejahtera dengan bantuan kerajaan / rakyat dapat mengurakan beban hidup dengan bantuan kerajaan.
F	Kerajaan dapat menggunakan hasil cukai untuk membiayai perbelanjaan kerajaan
H	Semua peruntukan pendidikan, sosial dan pembangunan adalah datang dari cukai yang dibayar oleh rakyat.
C	Contohnya, rakyat Malaysia dapat menikmati perkhidmatan pendidikan dan kesihatan percuma.
F	Kerajaan dapat merapatkan jurang perbezaan pendapatan rakyat
H	Rakyat yang berpendapatan tinggi akan membayar cukai lebih banyak / rakyat yang berpendapatan rendah hanya membayar cukai yang sedikit
H	Hal ini kerana jumlah cukai yang dibayar adalah bergantung kepada jumlah pendapatan individu
F	Kepentingan pembayaran cukai dapat melindungi industri muda di Malaysia
H	Kerajaan Malaysia akan mengenakan cukai yang tinggi kepada barangan import dari luar negara.
H	Hal ini adalah untuk melindungi industri tempatan / industri muda.
C	Contohnya cukai pembelian kereta Toyota adalah lebih mahal daripada cukai pembelian kereta Proton.
F	Kepentingan pembayaran cukai juga dapat mengurangkan permintaan terhadap barangan tertentu seperti minuman keras dan tembakau
H	Hal ini kerana minuman keras dan tembakau dikenakan cukai yang tinggi dan harga barangan ini juga menjadi mahal
H	Hal ini kerana kerajaan ingin melindungi kesihatan rakyat Malaysia demi pembangunan negara
H	Setiap rakyat Malaysia yang telah bekerja harus membayar cukai demi membangunkan negara Malaysia.
	Mana-mana jawapan munasabah / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh Penandaan adalah dalam bentuk <u>rubrik / holistik</u> Nota: Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak

PANDUAN MENANDA SOALAN BAHAGIAN C

Soalan 8a, 9a, penandaan analitik, Simbol F (Jawapan Fakta sahaja)

Soalan 8b, 9b Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik

ARAS	MARKAH	BUTIRAN
1	1-2	<ul style="list-style-type: none"> * menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang terhad * fakta terhad * tiada huraian * jawapan mudah / umum
2	3-4	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang jelas • 1 Fakta yang tepat • 1 Huraian kurang mendalam dan kurang relevan dengan isu / situasi • Contoh kurang sesuai • Pengolahan sederhana
3	5-6	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang ringkas dari aspek positif dan negatif • 1 nilai universal yang menepati situasi • 1 fakta yang tepat dan lengkap • 1 Huraian terperinci dan relevan dengan situasi / isu • Contoh sesuai • Pengolahan menarik
4	7-8	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang sangat jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang tepat dari aspek positif dan negatif • 2 nilai universal yang menepati situasi • 2 fakta yang sangat jelas, tepat dan lengkap • 2 Huraian sangat terperinci dan relevan dengan isu / situasi • Contoh sangat sesuai • Pengolahan sangat menarik • <u>Kematangan</u> perkembangan idea

Bahagian C [40 markah]
Jawab semua soalan daripada bahagian ini.

8. Gambar menunjukkan keunikan rakyat Malaysia.



Sumber : <https://www.googleimage.com/>

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Setiap kaum mempunyai perayaannya yang tersendiri. **U11 T4**

(a) **Namakan** perayaan yang disambut oleh kaum berikut. [4m]

i Melayu	:	Hari Raya Aidilfitri / Hari raya Puasa / Hari Raya Aidiladha / Maulidur Rasul / Maal Hijrah
ii India	:	Deepavali / Thaipusam / Thaiponggal
iii Sikh	:	Hari Vesakhi / Hari Vaisakhi / Hari Vasaki / Tahun Baru Punjabi
iv Kadazan	:	Pesta Kaamatan / Pesta Menuai / Pesta Moginakan Nunuk Ragang

(b) Bincangkan **kepentingan** mengekalkan sambutan perayaan tersebut. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai universal** yang anda pelajari. [8m]

Bil	Fakta / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh / Kepentingan / Nilai Universal
N	Nilai hormat / nilai rasional / nilai toleransi
F	Mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia
H	Menerima persamaan dan perbezaan budaya
H	Rakyat hidup bersatu padu
F	Mengukuhkan kestabilan politik dan ekonomi negara
H	Menarik pelancong asing
H	Menggalakkan kemasukan pelabur asing
F	Melahirkan generasi baharu yang mengekalkan kepelbagaian budaya
H	Meningkatkan kesedaran tentang kefahaman budaya pelbagai kaum
H	Kebudayaan tidak akan ditelan zaman
F	Mengekalkan keseimbangan antara kemajuan negara dengan warisan / kebudayaan
H	Memelihara jati diri
H	Mengukuhkan persefahaman antara kaum
F	Menjadi kebanggaan negara
H	Mencerminkan identiti negara
H	Meningkatkan imej negara
	Mana-mana jawapan munasabah / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik Nota: Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak

(c) Terangkan **cabaran** 挑战 untuk mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. [8m]

Bil	Fakta / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh / Cabaran
F	Cabaran Budaya Tular
H	menghakis jati diri dan budaya sesuatu kaum
H	mudah dipengaruhi dengan budaya negatif dari luar
F	Cabaran Sosial
H	perasaan taksub terhadap kebudayaan sendiri
H	kecelaruan identiti bangsa
F	Polarisasi kaum
H	mencetuskan konflik yang berpunca daripada sikap tidak menghormati perbezaan adat dan kepercayaan kaum lain
H	mewujudkan sikap perkauman
	Mana-mana jawapan munasabah / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik Nota : Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak

9. Petikan berikut berkaitan dengan isu pemerdagangan manusia. **U7 T5**

Pemerdagangan Manusia ialah 'Perhambaan moden'	
Menurut aktivis Adrian Pereira, sukar untuk menyelamatkan rakyat Malaysia yang terperangkap dalam kes pemerdagangan manusia kerana beberapa sebab. Beliau berkata, antara lain, sistem pengenalan mangsa yang lemah dan kurang cekap dalam menangani isu itu.	
Pereira, pengarah eksekutif kumpulan keadilan sosial <i>North-South Initiative</i> , memberi contoh kes di mana seorang wanita Malaysia mengikut teman lelaki warga Nepal pulang ke sana. Setibanya di sana, visa perjalanannya tidak diperbaharui, dan lelaki itu menyuruh dia melakukan kerja di rumah selama 10 tahun.	
"Ini adalah keganasan berasaskan gender dan pemerdagangan manusia," katanya. Menurut Pereira, ketika wanita itu pergi ke kedutaan negara untuk mendapatkan bantuan, dia kemudiannya diserahkan kepada pihak imigresen Nepal dan tidak dikenal pasti sebagai mangsa. Dari sana, wanita itu dikatakan akan ditempatkan di rumah perlindungan.	
"Mereka fikir ini adalah perkara yang betul untuk dilakukan, berdasarkan persefahaman antarabangsa," kata Pereira. "Sedangkan ia adalah salah. Dia seharusnya ditempatkan di tempat perlindungan di bawah bidang kuasa kita."	

Sumber : dipetik dan diubahsuai dari *Malaysia Now*, 02 Oktober, 2022

Isu pemerdagangan manusia adalah isu global yang sukar ditangani.

(a) **Nyatakan ciri berperikemanusiaan** demi kesejahteraan global. [4m]

F1	Menghargai nyawa 珍惜生命
F2	Menyayangi sesama makhluk 爱护万物
F3	Menghargai dan menghormati hak manusia 珍惜及尊重人权
F4	Empati dan simpati kepada masyarakat global 同理心及同情心对待国际社会
F5	Mencintai keamanan dunia 热爱世界和平
F6	Melestarikan keseimbangan ekosistem 生态平衡永续
	Terima mana-mana 4F = 4m

- (b) **Terangkan kesan** pengabaian sikap berperikemanusiaan demi membina kesejahteraan global. [8m]

Bil	Fakta / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh / Kepentingan / Nilai Universal
F	Golongan kurang bernasib baik akan terabai
H	Golongan tersebut dipinggirkan tanpa bantuan sewajarnya
H	Meluaskan jurang perbezaan antara individu
F	Manusia akan hilang pertimbangan
H	Kekejaman dan kezaliman menjadi kebiasaan
H	Hilang kepercayaan sesama manusia
F	Hilang perasaan kasih sayang sesama manusia
H	Individu mengabaikan hubungan sosial
H	Individu bersikap individualistik dan materialistik
F	Kelestarian alam terancam
H	Kepupusan flora dan fauna
H	Perubahan suhu dunia yang tidak menentu
	Mana-mana jawapan munasabah / / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik Nota : Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak

- (c) **Jelaskan contoh** perlakuan berperikemanusiaan demi membina kesejahteraan global. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai universal** yang anda pelajari. [8m]

Bil	Fakta / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh / Perlakuan berperikemanusiaan / Nilai Universal
N	Nilai kasih sayang / nilai hormat / nilai baik hati / nilai hemah tinggi
F	Melindungi hak asasi manusia 维护人权
H	Membantu golongan kurang bernasib baik
H	Memberikan bantuan keperluan asas dan perubatan
H	Menentang pemerdagangan manusia
H	Menyantuni setiap individu sebagai manusia.
F	Sikap kepedulian dan keprihatinan 关注及关心的态度
H	Menwujudkan kumpulan sokongan kemanusiaan
H	Membantu mangsa bencana dan pihak yang memerlukan
H	Menyertai misi keamanan dan kemanusiaan
H	Memberikan sokongan psikologi dan moral
F	Mencintai alam sekitar pada peringkat global 热爱国际环境
H	Menyokong dasar dan kempen alam sekitar pada peringkat global seperti kempen yang dianjurkan oleh World Wide Fund for Nature (WWF)
H	Menentang penggunaan senjata nuklear 核武 dan kimia 化武
H	Menghalang pemburuan haram dan pemerdagangan haiwan
H	Memelihara dan memulihara sumber alam
F	Mencintai keamanan global 热爱世界和平
H	Menyokong dasar dan kempen keamanan sejagat oleh pertubuhan antarabangsa
H	Berpendirian teguh dalam mempertahankan isu keamanan
H	Menentang diskriminasi berasaskan gender, warna kulit dan bangsa 拒绝性别歧视,肤色歧视及种族歧视
H	Saling menyayangi antara satu sama lain
	Mana-mana jawapan munasabah / / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik Nota : Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak

SKEMA JAWAPAN TAMAT